

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 MAY 2016

# Pertemuan Najib, Putin kukuh hubungan dua hala

BH - 19/5/2016

→ PM tiba di Sochi untuk Sidang Kemuncak ASEAN-Russia

**Mustapa Omar**  
musomar@hmetro.com.my

Sochi, Russia



**P**elbagai isu mengenai kaedah untuk meningkatkan dan meningkatkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Russia dijangka menjadi tumpuan dalam mesyuarat dua hala antara Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Vladimir Putin, di sini hari ini.

Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Hayati Ismail, berkata pertemuan itu penting dalam usaha mengukuhkan lagi kerjasama selepas kedua-dua pihak menubuhkan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Russia bagi Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan

Kebudayaan, tahun lalu.

Selain itu, katanya, ia juga bermakna kerana kedua-dua negara akan menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Putrajaya-Moscow April tahun depan.

“Nilai dagangan Malaysia-Russia mencatatkan AS\$1.35 bilion (RM5.46 bilion) tahun lalu, merosot kira-kira 51 peratus berbanding tahun sebelumnya berikutan ekonomi global yang tidak menentu, selain kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang.

“Sebahagian besar eksport Malaysia daripada barangan elektrik, pakaian dan barang makanan, manakala kita pula mengimport minyak mentah dari Russia,” katanya kepada wartawan di sini, semalam.

## Laksana projek pelaburan

Jurucakap Putin dalam satu kenyataan kelmarin berkata, antara perkara yang akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin, termasuk pelaksanaan beberapa projek pelaburan dalam sektor tenaga dan kerjasama teknikal ketenteraan serta program kemanusiaan.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, tiba di sini petang semalam bagi

## Info

### Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Russia

→ Diadakan di Sochi, Russia pada 19 hingga 20 Mei

→ **Memperingati hubungan dialog** 20 tahun ASEAN-Russia

→ **Kumpulan ASEAN** terdiri Brunei, Kemboja, Laos, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam

→ **Tumpu Pelan Tindakan Komprehensif (2016-**

**2020)** mengenai hala tuju hubungan ASEAN-Russia

menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Russia selama dua hari bermula hari ini. Yang turut mengiringi beliau, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman.

Hayati berkata, selain pertemuan dengan Putin, Najib juga dijadual mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan rakan sejawatnya dari Vietnam, Nguyen Xuan Phuc pada Jumaat, kali pertama sejak Nguyen dilantik Perdana Menteri pada bulan lalu.

Mengenai sidang kemuncak, beliau berkata pemimpin Asean dan Russia akan memperakukan Deklarasi Sochi bertajuk Ke Arah Perkongsian Strategik Untuk Kepentingan Bersama dan mengambil maklum Pelan Tindakan Komprehensif (2016-2020).

“Adalah dijangka sidang kemuncak ini akan mengeratkan hubungan rakyat ke rakyat, khususnya dalam kalangan ahli perniagaan. Sidang itu akan turut membincangkan isu berkaitan kerjasama ekonomi.

“Selain itu, ia juga diharapkan akan mengeratkan lagi kerjasama kebudayaan Asean-Russia kerana Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan,” katanya.

 **Untuk video**  
layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)